

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK**  
**BADAK [ LUBOK ANTU ]**  
**TARIKH : 23 MAC 2015**  
**SOALAN :**

**YB Datuk William @ Nyallau anak Badak [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat mana pelaksanaan pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu dibuat seperti kelulusannya yang diumumkan oleh YAB. Perdana Menteri dalam pembentangan bajet untuk 2015 yang lalu.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Klinik Kesihatan Lubok Antu sedia ada merupakan salah sebuah daripada lapan (8) buah klinik kesihatan yang terdapat di Daerah Lubok Antu. Klinik kesihatan jenis 5 ini menawarkan perkhidmatan kesihatan kepada 6,819 penduduk dalam kawasan operasinya, dengan purata kedatangan harian seramai 122 orang pesakit sehari.

Klinik Kesihatan Lubok Antu sedia ada ini merupakan sebuah bangunan klinik separa kayu, yang telah dinaiktaraf pada tahun 2009. Pada tahun 2013, kerja-kerja pembaikan bangunan klinik telah dilaksanakan di bawah aktiviti Perluasan Program Penyelidikan dan Sokongan Teknikal, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Permohonan pembinaan Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baru telah diluluskan untuk dilaksanakan pada tahun 2015. Pada masa ini, projek ini sedang dalam peringkat awal perancangan rekabentuk. Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baru adalah jenis 4 beserta kuarters yang akan dibina di tapak seluas 9.8 ekar yang terletak pada jarak 0.8 km dari klinik kesihatan sedia ada.

Kementerian ini berharap Klinik Kesihatan Lubok Antu yang baru ini nanti dapat meningkatkan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat.